

TATACARA PERMOHONAN KEBENARAN EKSPORT PELITUP MUKA DI *ELECTRONIC CONTROLLED ITEM TRADE SYSTEM (eCTrade)*

A. Pendaftaran

1. Pengguna baru perlu mendaftar di <https://ectrade.kpdnhep.gov.my/> terlebih dahulu mengikut kategori pemohon yang bersesuaian. Klik butang kategori pemohon **<syarikat/individu>** dan seterusnya klik butang **<daftar pengguna baru>**.
2. Isi maklumat yang diminta untuk pendaftaran dan klik butang **<Hantar>**.
3. Permohonan pendaftaran yang berjaya akan terus menerima emel notifikasi di alamat emel yang didaftarkan. Sekiranya emel notifikasi telah diterima, teruskan daftar masuk ke laman utama eCTrade (tiada link yang perlu diaktifkan). Sekiranya emel notifikasi tidak diterima, sila berhubung dengan pentadbir untuk bantuan lanjut.

B. Daftar masuk

1. Klik butang kategori pemohon **<syarikat/individu>**, isikan maklumat **<ID Pengguna>** dan **<Kata laluan>** dan klik butang **<Hantar>**.
2. Bagi daftar masuk kali pertama - Bawakan *cursor* ke ruangan nama pemohon di bahagian atas sebelah kanan halaman. Klik butang **<Profil>** pada submenu yang dipaparkan. Pilih jenis bahasa yang ingin diguna, kemaskini semua maklumat yang diminta, muat naik dokumen sokongan (individu – kad pengenalan/passport / syarikat – SSM / SKM/ pendaftaran perniagaan) dan klik butang **<Kemaskini>**.

C. Permohonan

1. Klik butang <Permohonan>, <Baru> pada panel sebelah kiri halaman.
2. Kebenaran Yang Dimohon (kategori permohonan) – pilih <Eksport>
3. Nama Produk – pilih <Topeng Muka>
4. Jenis Produk – Pilih jenis pelitup muka yang ingin dieksport
5. Tujuan (hanya untuk kategori syarikat) – Pilih tujuan yang bersesuaian. (Contoh: jualan biasa – pilih komersil, pengeksporan kepada kakitangan syarikat di luar negara – pilih kegunaan persendirian).
 - 5.1. Sub Tujuan Komersil – Bagi pengilang pelitup muka – pilih pengilang. Bagi syarikat pemborong/trader – pilih peniaga.
 - 5.2. Sub Tujuan Kegunaan Persendirian – pilih syarikat cawangan
 - 5.3. Sub Tujuan Misi Kemanusiaan – pilih agensi kerajaan/agensi swasta
 - 5.4. Sub Tujuan Sampel Makmal dan Promosi – pilih makmal atau promosi
6. Lengkapkan semua maklumat pemohon seperti yang diminta.
 - 6.1. Alamat syarikat/gudang – pilih dari senarai. Senarai alamat tidak akan dipaparkan sekiranya alamat tidak dikemaskini di ruangan profil.
 - 6.2. Nama Pegawai Perhubungan – Pegawai yang boleh dihubungi bagi pertanyaan mengenai permohonan.
7. Lengkapkan maklumat import/eksport seperti berikut:
 - 7.1. Nama Syarikat Pembeli – Nama pelanggan di luar negara. Maklumat ini perlu sama dengan maklumat pada invois/surat pengesahan penerimaan.
 - 7.2. Negara destinasi – pilih negara yang berkaitan

- 7.3. Sumber bekalan – Pengilang pilih mengilang sendiri. Pemborong/trader pilih sumber yang bersesuaian sama ada tempatan atau import.
- 7.4. Pelabuhan import/eksport – isikan nama pelabuhan/stesen kastam/lapangan terbang di Malaysia di mana produk akan dieksport (Port of Departure)
8. Dokumen sokongan - Muat naik dokumen sokongan yang berkaitan.
9. Ulasan pemohon – Isikan maklumat penting yang berkaitan seperti berikut:
 - 9.1. Bilangan pelitup muka dalam setiap kotak/karton. Maklumat perlu sama dengan maklumat pada invois/surat pengesahan penerimaan.
 - 9.2. Sekiranya bekalan pelitup muka diimport - nyatakan siapa yang melaksanakan pengimportan dan hubungan dengan pemohon sekiranya syarikat pengimport berbeza dengan syarikat yang memohon; dan
 - 9.3. Tarikh jangkan akan eksport
10. Setelah selesai , klik butang **<Hantar>**.

D. Semak Permohonan

1. Klik butang **<Semak>** pada panel sebelah kiri halaman. Maklumat permohonan dan status permohonan akan dipaparkan pada halaman ini. Sekiranya terdapat status kuiri, perlu maklum balas segera dari pemohon.
2. Kategori butang **<Terperinci>** untuk mengemaskini maklum balas yang dikuiri.